

Manfaat tambahan 25 tahun

» Cadangan lanjut tempoh simpanan 100 tahun dapat sokongan

Oleh Norakmah Mat Youb,
Petah Wazzan Iskandar dan
Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Cadangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memanjangkan tempoh simpanan persaraan ahli sehingga 100 tahun, bertujuan memastikan pencarum terus menerima dividen tambahan selama 25 tahun lagi.

Ketika ini, pencarum hanya boleh terus menyimpan sehingga usia 75 tahun. Selepas itu mereka perlu mengeluarkan atau simpanan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut jika tiada tuntutan dibuat oleh mereka, penama atau waris kepada pencarum yang sudah meninggal dunia.

Pengurus Kanan Jabatan Pengurusan Strategi KWSP, Farizan Kamaluddin, berkata pihaknya menerima permintaan daripada ahli supaya memanjangkan tempoh simpanan kerana berasakan had ketika ini masih tidak mencukupi.

“Ketika ini, terdapat kira-kira 300,000 pencarum memilih supaya simpanan mereka terus berada dalam KWSP kerana



Kaunter khas khidmat nasihat persaraan disediakan oleh KWSP kepada pencarum.

[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

mahu memanfaatkan dividen yang diterima setiap tahun. Daripada mengeluarkan seluruh simpanan KWSP sebaik bersara, mereka memilih pengeluaran fleksibel.

Pengeluaran fleksibel

“Pengeluaran fleksibel ialah dengan menentukan sendiri jumlah pengeluaran, sama ada sebahagian, secara bulanan atau kombinasi,” katanya sambil menambah, jika cadangan memanjangkan tempoh simpanan persaraan sehingga 100 tahun diterima, ahli mampu menikmati pulangan dividen bagi tempoh lebih lama.

Katanya, dengan purata jangka hayat rakyat Malaysia yang semakin meningkat, wajar pertambahan had usia dilakukan untuk kebaikan pencarum, namun ia bukan bermakna mereka diwajibkan menyimpan caruman sehing-



KHIDMAT NASIHAT PERSARAAN
RETIREMENT ADVISORY SERVICE

Sila Masuk

INFO

Caruman KWSP tidak dituntut

● **Pencarum** yang masih hidup, penama atau waris pencarum meninggal dunia tidak mengeluarkan caruman selepas tempoh pengeluaran dibenarkan, iaitu 75 tahun.

● **Penamaan** tidak akan terbatal sekiranya orang yang dinamakan tidak membuat tuntutan atau tidak dapat dikesan. Bayaran tidak boleh dibuat kepada waris ahli dalam kes tiada penamaan.

● **Mengikut Akta KWSP 1991**, dividen akan terus dibayar untuk caruman tidak dituntut sehingga tempoh umur pencarum mencapai 75 tahun.

ga usia maksimum yang dicadangkan itu.

“Pencarum boleh mengeluarkan semua simpanan selepas 55 tahun. Inisiatif melanjutkan sehingga 100 tahun yang dicadangkan hanya sebagai pilihan kepada pencarum yang ingin terus menyimpan dan melabur dengan KWSP untuk menerima manfaat dividen setiap tahun... ia bukan wajib atau mandatori,” katanya.

Beliau berkata, bagi merealisasikan cadangan itu, pindaan terhadap Akta KWSP 1991 perlu dilakukan.

“Dengan lanjutan 25 tahun, pasti simpanan ahli terus bertambah apabila dividen boleh dijana bagi tempoh lebih panjang, berbanding setakat usia 75 tahun sekarang. Langkah itu juga diyakini dapat menggalakkan ahli supaya tidak terus mengeluarkan simpanan mereka, sama ada secara berperingkat atau sekali gus,” katanya.